

24/02/2004

Petanda baik buat BN (HL)

Kadir Dikoh; Mona Ahmad; Azman Mahmood

KOTA BHARU: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak menolak kemungkinan perubahan sikap dan peningkatan sokongan rakyat Kelantan terhadap Umno sekarang akan mendorongnya untuk membubarkan Parlimen bagi membolehkan pilihan raya umum ke-11 diadakan.

Malah, Perdana Menteri menyifatkan perubahan itu sebagai petanda baik bagi Umno dan Barisan Nasional (BN) untuk memenangi pilihan raya umum akan datang sekali gus menamatkan penguasaan Pas di Kelantan selama 15 tahun.

Abdullah berkata berdasarkan sambutan meriah ribuan penduduk sempena lawatan sulungnya ke Kelantan semalam, beliau dapat menyaksikan perubahan sikap di kalangan pemimpin Umno dan rakyat negeri ini.

"Sambutan bagus, besar... petanda yang baik (kepada Umno dan BN di Kelantan untuk menang) Insya Allah," katanya pada sidang media selepas merasmikan Bangunan Umno Bahagian Kota Bharu di sini, semalam.

Majlis perasmian itu turut dihadiri Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Mustapa Mohamed dan Timbalannya yang juga Ketua Umno bahagian Kota Bharu Datuk Zaid Ibrahim serta Ahli Parlimen Umno Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah.

Ditanya apakah perubahan itu menunjukkan sekarang masa paling tepat untuk membubarkan Parlimen, Abdullah berkata:

"Memang kena cari masa yang tepat, takkan masa tak tepat. Tapi Alhamdulillah, ada perubahan. Nampaknya Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat pun kata ada perubahan. Jadi kita perlu kerja kuat supaya lebih hebat dan lebih berkesan, insya-Allah."

Abdullah yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) bagaimanapun tidak memberi petunjuk lanjut bila Parlimen akan dibubar meskipun khabar angin mengenainya bertiup kencang sekarang.

Perdana Menteri sebaliknya berkata, beliau akan menentukan masa yang sesuai dan bila sudah diadakan pilihan raya nanti, menjadi harapan bahawa BN akan berjaya merampas semula Kelantan.

Ura-ura mengenai kemungkinan pembubaran Parlimen semakin kencang sekarang apabila Abdullah dijangka tidak menghadiri Sidang Kemuncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G-15) di Caracas, Venezuela pada 27 dan 28 Februari ini.

Ditanya sama ada beliau sudah membuat keputusan untuk tidak ke Caracas, Abdullah berkata beliau akan menghubungi Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar terlebih dulu sebelum membuat sebarang kenyataan.

Perdana Menteri berkata, Syed Hamid kini dalam perjalanan ke negara Latin Amerika itu.

Tun Dr Mahathir Mohamad pernah membatalkan secara mengejut lawatan ke Afrika Selatan pada November 1999 dan membubarkan Parlimen beberapa hari kemudian.

Abdullah berkata, masa masih lama lagi sebelum beliau membuat keputusan sama ada untuk menghadiri sidang G-15 itu atau tidak dan mengikut jadual asal, beliau sepatutnya berlepas ke Los Angeles hari ini bagi menemui isterinya, Datin Seri Endon Mahmood yang menerima rawatan barah sebelum ke Caracas.

Ini adalah lawatan pertama beliau ke Kelantan sejak menyandang jawatan Perdana Menteri 31 Oktober lalu dan ketibaannya di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra pagi semalam, disambut kira-kira 3,000 orang.

"Saya menganggap dan berharap kehadiran yang ramai ini sangat baik. Apakah ini memberi petanda tuan-tuan akan bersama saya?" katanya di

lapangan terbang itu yang disambut dengan jawapan: "Boleh".

Beliau mengajak rakyat Kelantan berhijrah daripada keadaan yang kurang baik kepada keadaan lebih baik untuk masa depan lebih cerah.

Pada sidang medianya, Abdullah yang juga Pemangku Presiden Umno berkata, kehadiran ramai orang pada majlis perasmian bangunan Umno juga perkembangan yang amat baik.

Ditanya apakah peluang BN untuk merampas balik Kelantan lebih cerah jika pilihan raya diadakan sekarang atau dalam tempoh terdekat, beliau berkata Umno Kelantan perlu bekerja dengan lebih kuat lagi untuk mencatat kejayaan.

Mengenai anggapan orang luar Kelantan bahawa BN dan Umno sukar untuk merampas Kelantan, Abdullah berkata, tanggapan itu timbul kerana mereka berpendapat Umno tidak kuat.

Katanya, di bawah kepemimpinan Mustapa sudah ada tanda seluruh Kelantan menyokong Umno.

Mengenai kenyataan Nik Abdul Aziz bahawa Pas masih yakin untuk mengekalkan pemerintahan di Kelantan, Abdullah berkata:

"Takkan dia kata tak yakin menang. Bila dia kata tak yakin menang, tak ada siapa nak sokong dia... ertinya dia dah mengisytiharkan awal-awal tak menang, dia kena cakap macam itu.

"Tapi daripada kenyataan itu, kita boleh mengambil dan memahami bahawa sekarang ini Umno sedang mendapat sokongan yang kian bertambah."

Abdullah berkata, perpaduan di kalangan pemimpin Umno Kelantan juga bertambah baik sekarang.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, beliau belum meminta Umno Kelantan menyerahkan senarai nama bakal calon untuk bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Terdahulu dalam ucapannya, Abdullah berkata BN adalah komponen parti yang mengutamakan pemuafakatan dalam melaksanakan perkongsian kuasa.

Katanya, BN juga menjadi pemangkin harapan rakyat dan pembangunan negara menerusi perjuangan Umno untuk agama, bangsa dan negara.